

SOALAN NO:23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP

TARIKH: 19 OKTOBER 2015

SOALAN:

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan garis panduan serta peraturan yang dikeluarkan pihak Kerajaan dalam memastikan pengambilan pekerja asing oleh majikan dibuat selaras dengan (*Strict Liability*) bagi memastikan kemasukan mereka tidak mengancam keselamatan negara.**

PR-1333-L71137

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, prinsip *strict liability* adalah bertujuan untuk memastikan majikan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pekerja asing yang digajikan bermula dari

peringkat permohonan, penggajian dan sehingga pekerja asing tersebut dihantar pulang ke negara asal mereka.

2. Pelaksanaan prinsip *strict liability* akan dapat memastikan pengurusan penggajian pekerja asing di negara ini mengikut dasar dan undang-undang yang telah ditetapkan di samping selaras dengan standard-standard yang telah ditetapkan dalam konvensyen-konvensyen antarabangsa bagi melindungi dan menjamin kepentingan pekerja.
3. Pada masa ini, pihak Kementerian Sumber Manusia bersama-sama Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara dan Kementerian/Agensi lain yang berkaitan sedang dalam proses memperincikan kaedah pelaksanaan prinsip tersebut.